

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan bahan bantu animasi dalam pembelajaran bahasa Arab.

Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian eksperimental dan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kajian ini melibatkan subjek kajian seramai 40 orang pelajar yang terdiri daripada program diploma pengurusan perniagaan dan perakaunan, informatik, reka bentuk perindustrian dan pengurusan sumber manusia. Responden kajian dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu kumpulan rawatan (animasi sebagai bahan bantu) dan kumpulan kawalan (kaedah biasa). Data dikumpulkan melalui ujian pra-pasca, soal selidik, temu bual dan pemerhatian.

Berdasarkan hasil analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Namun, hasil perbandingan antara skor min ujian pra dan pasca bagi kumpulan rawatan menunjukkan ujian pasca responden telah meningkat dengan begitu banyak berbanding dengan keputusan ujian pra. Sementara itu, keberkesanan animasi dalam pembelajaran bahasa Arab ini juga dapat dikenalpasti melalui soal selidik dan temu bual. Pelajar telah memberi pandangan yang positif terhadap penggunaan animasi tersebut. Mereka begitu tertarik dengan ciri-ciri animasi dan juga berpendapat bahawa pengajaran berbantuan animasi dapat meninggalkan kesan yang mendalam kepada pembelajaran bahasa Arab mereka.

ABSTRACT

The purpose of this study is to determine the effectiveness of animation as a learning aid in learning Arabic Language.

The methodology used is qualitative and quantitative experimental study. The subject of the study consists of 40 students from the Diploma of Business Management, Accounting, Industrial Designs and Human Resources Management Programmes at Universiti Sultan Zainal Abidin. The respondents are divided into two groups; an experimental group which uses animation for learning aid and a control group which uses normal procedures. The data is collected by conducting a pre and post-tests, questionnaires, interview and observation.

The finding shows that there is no significant difference in post-test scores obtained by the experimental and control groups. However, minimum scores in the post-test of the experimental group shows a significant increase in comparison to the minimum of their pre-test scores. The effectiveness of animation as a learning aid is also identified through the questionnaires and interviews. The respondents have given positive feedback on the use of animation as a learning aid. They get really interested with the animation features and think that it would greatly help their learning of Arabic Language.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmatNya telah memberi kekuatan dan ketenangan kepada pengkaji dalam menyiapkan disertasi ini. Selawat dan salam buat junjungan yang dikasihi lagi dimulihkan Rasulullah S.A.W dan para sahabat baginda r.a.

Pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia Dr. Wan Hassan Wan Mat yang sentiasa memberikan panduan serta nasihat yang tidak terhitung nilainya dalam menyiapkan disertasi ini. Tanpa bimbingan beliau tidak mungkin disertasi ini dapat disempurnakan seperti yang ada pada hari ini. Selain itu ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Dekan, seluruh pensyarah serta kakitangan Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya yang banyak membantu melicinkan urusan sepanjang pengajian pengkaji. Selain itu, tidak lupa penghargaan buat rakan sejawat, Ketua Jabatan, kakitangan serta pelajar di UniSZA yang sentiasa memberikan bantuan, kerjasama dan galakan secara langsung atau sebaliknya.

Akhir sekali, sekalung penghargaan paling istimewa buat insan tersayang kedua ibu dan bapa serta ahli keluarga. Adik beradik yang banyak memberikan sokongan dan inspirasi ketika menjalani pengajian dan menyiapkan kajian ini. Terima kasih semua.